



**JABATAN HUTAN SARAWAK**  
**NOTIS SEBUT HARGA**

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada Pembekal / Kontraktor yang berdaftar dengan **Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ)** dalam **Kategori** dan **Jenis Pendaftaran** yang berkaitan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah untuk membuat tawaran buat masa ini bagi bekalan dan perkhidmatan berikut:-

| No. Ruj. Sebut Harga | Tajuk Sebut Harga                                                                                                         | Pendaftaran UPKJ                      |        |            | Yuran Dokumen (RM) | Tarikh Tutup Dan Masa Penyerahan Dokumen Sebut Harga | Tarikh / Masa / Tempat Taklimat Dan Lawatan Tapak                         |
|----------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------|--------|------------|--------------------|------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------|
|                      |                                                                                                                           | Jenis Lesen: Bekalan Dan Perkhidmatan |        |            |                    |                                                      |                                                                           |
|                      |                                                                                                                           | Kategori                              | Kepala | Sub Kepala |                    |                                                      |                                                                           |
| FD/Q/08/2026(S)      | SUPPLY, DELIVERY AND INSTALLATION OF PORTABLE CONTAINER WITH ACCESSORIES FOR FOSCC SONG (SIBU), FOREST DEPARTMENT SARAWAK | C                                     | I      | 2(c)       | 10.00              | 1 Oktober 2026 (Khamis)<br>12.00 tengahari           | 25 September 2026 (Jumaat)<br><br>Jam 10.00 pagi<br><br>FOSCC Song (Sibu) |
|                      |                                                                                                                           | and                                   |        |            |                    |                                                      |                                                                           |
|                      |                                                                                                                           | C                                     | IV     | 9          |                    |                                                      |                                                                           |

2. Pembekal/Kontraktor yang berminat untuk menyertai Sebut Harga ini adalah **dijemput untuk menghadiri Taklimat dan Lawatan Tapak (Taklimat Hanya Akan Diadakan Sekali Sahaja)**. Pembekal/Kontraktor dikehendaki untuk berkumpul di **FOSCC Song (Sibu)** pada **25 September 2026 (Jumaat) jam 10.00 pagi**.
3. Bayaran Yuran Dokumen Sebut Harga hendaklah dibuat dalam bentuk **Draf Bank** atau **Kiriman Wang Pos (Money Order)** atau **Wang Kiriman Pos Berpalang (Postal Order)** atau **S Pay Global** yang dibayar atas nama **Kerajaan Negeri Sarawak**.
4. **Lawatan Tapak adalah diwajibkan.** Dokumen Sebut Harga hanya akan dijual semasa lawatan tapak kepada pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik / Rakan Kongsi / pengarah Syarikat. Pemilik atau wakilnya hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ)**, **SIJIL ASAL PENGIKTIRAFAN BUMIPUTERA** (jika berkenaan) dan **SURAT PERWAKILAN KUASA** (jika berkenaan) sebelum dokumen Sebut Harga dijual kepada pembekal / kontraktor yang layak.
5. Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan sendiri oleh Pemilik / Wakil Syarikat / Firma ke dalam Peti Tawaran dengan menggunakan **sampul berlakri** serta mempunyai catatan **Nombor** dan **Tajuk Sebut Harga**. Dokumen Sebut Harga hendaklah diserahkan selewat-lewatnya **jam 12.00 tengahari** pada tarikh tutup di alamat seperti di bawah.

**Pengerusi**  
**Jawatankuasa Sebut Harga**  
**Pejabat Hutan Wilayah Sibu,**  
**Tingkat 13, Wisma Sanyan,**  
**No.1, Jalan Sanyan,**  
**96000 Sibu, Sarawak.**

6. Dokumen Sebut Harga yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.
7. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut.

**"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"**  
**"AN HONOUR TO SERVE"**

**[DATU HAJI HAMDEN BIN HAJI MOHAMMAD]**  
**Pengarah Hutan**  
**SARAWAK**

Tarikh: **15/9/2026**

**Nota penting:** Notis sebut harga ini hendaklah dipamerkan di Papan Kenyataan Kementerian/Jabatan tujuh (7) hari berturut-turut sepanjang tempoh pelawaan sebut harga.